

Masalah pencalonan boleh dirujuk kepada MT

BH 14 MAR 2000

JOHOR BAHRU, Isnin – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengingatkan ahli Umno supaya merujuk kepada Majlis Tertinggi (MT) parti jika menghadapi masalah berhubung dengan pencalonan pada peringkat bahagian sekarang.

Presiden Umno itu berkata, ahli parti boleh mengemukakan kepada MT mengenai dakwaan mereka berserta dengan bukti supaya sesuatu isu itu dapat diberi perhatian setimpal.

“Dia tidak beritahu kat saya pun,” katanya menjawab soalan pemberita selepas merasmikan seminar dan pameran Pelabuhan Tanjung Pelepas (PTP) 2000 di sini, hari ini.

Beliau ditanya mengenai dakwaan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin, kononnya ada usaha menghalang pencalonannya bagi merebut jawatan Naib Presiden Umno pada pemilihan Mei depan.

“Kalau dia ada bukti apa-apa, boleh kemukakan kepada Majlis Tertinggi,” kata Dr Mahathir apabila ditanya lagi berhubung dakwaan itu.

Sementara itu, Perdana Menteri kesal sikap menteri dan ahli perniagaan Malaysia yang lebih suka menyertai

permainan golf ketika mengikuti rombongan beliau ke luar negara.

Beliau berkata, mereka tidak perlulagi mengikuti rombongannya ke luar negara jika semata-mata disebabkan Perdana Menteri berada dalam lawatan itu.

“Kalau cuma nak datang (ikut dalam rombongan) pasal saya nak pergi (luar negara), tak payah datanglah, waktu lain lebih senang lagi,” katanya.

Dr Mahathir ditanya mengenai pendedahan Menteri Kewangan, Tun Daim Zainuddin bahawa ahli perniagaan yang menyertai rombongan Perdana Menteri ke Indonesia baru-baru ini, lebih suka bermain golf dan pergi karaoke daripada mengadakan perbincangan dengan rakan perniagaan dari republik itu.

Perdana Menteri berkata, sikap itu adalah memalukan kerana ia menggambarkan menteri dan ahli perniagaan Malaysia lebih pandai bermain golf dan menyanyi di karaoke.

“Kita berasa malulah... dulu orang kata mereka (Indonesia) datang kesini nak cari menteri... menteri semua main golf saja.

“Sekarang ini kita pergi sana (Indonesia), dia tunjuk gitulah, kitu main golf dan pandai nyanyi karaoke,” sindir beliau.